

LAMPIRAN 2

SYARAT-SYARAT DAN TATACARA PERMOHONAN PERMOHONAN GERAN KECIL ALAM SEKITAR NEGERI SELANGOR 2026 BAGI PROJEK PENGKOMPOSAN KOMUNITI & KEBUN KOMUNITI BAHARU

TERMA DAN SYARAT

1. Semua format dokumen dalam bentuk PDF & Microsoft Word sahaja;
2. Kertas kerja cadangan projek yang lengkap berserta perincian kos;
3. Penyata bank terkini;
4. Salinan Perakuan Pendaftaran/Sijil Pendaftaran Persatuan (ROS); dan
5. Carta organisasi.
6. Kategori pemohon yang layak:
 - i. Persatuan Penduduk;
 - ii. Jawatankuasa Kemajuan dan Keselamatan Kampung (JPKK);
 - iii. Persatuan Ibu Bapa dan Guru (PIBG);
 - iv. Institusi Pengajian Tinggi (IPT);
 - v. Organisasi keagamaan;
 - vi. Badan Bukan Kerajaan (NGO); dan
 - vii. Badan Pengurusan Bersama (JMB).

i. Projek Pengkomposan Komuniti

- Komuniti aktif melaksanakan projek pertanian bandar atau kebun komuniti bagi tempoh minima dua (2) tahun; ATAU
- Komuniti mempunyai model perniagaan kompos sebagai input pertanian; ATAU
- Komuniti komited menjadi rakan strategik PBT dalam menjayakan projek ini; DAN
- Cadangan dipersetujui oleh kedua-dua pihak iaitu wakil persatuan penduduk dan agensi yang menyelia (PDT atau PBT).

ii. Projek Kebun Komuniti Baharu

- Kebun komuniti baharu di kawasan yang mempunyai komitmen komuniti serta tapak yang bersesuaian;
- Menggalakkan integrasi Projek Kebun Komuniti dengan Projek Kompos Dalam Komuniti bagi menyokong pelaksanaan kitar semula di peringkat komuniti;

- Komuniti yang ingin mewujudkan kebun komuniti baharu adalah layak memohon kedua-dua komponen geran iaitu Projek Pengkomposan Komuniti dan Projek Kebun Komuniti Baharu;
- Komuniti yang telah mempunyai kebun komuniti sedia ada hanya layak memohon geran Projek Pengkomposan Komuniti bagi menyokong pengurusan sisa organik dan penggunaan kompos dalam aktiviti kebun komuniti; dan
- Projek mempunyai potensi sebagai model komuniti mampan dan boleh dijadikan rujukan oleh komuniti lain.

SERAHAN DOKUMEN DAN MAKLUMAT LANJUT

1. Permohonan hendaklah dikemukakan melalui pautan *Google Form* selewat-lewatnya pada **7 Ogos 2026 (Jumaat), jam 5.00 petang**. Sebarang permohonan yang diterima selepas tarikh dan masa tutup tersebut tidak akan dipertimbangkan.
2. Pertanyaan lanjut boleh diajukan ke urus setia Jawatankuasa Tetap Alam Sekitar & Teknologi Hijau Negeri Selangor di talian **03-55447698** atau e-mel selangor.environmentgrant@gmail.com.

PERINCIAN SERAHAN

Bahagian	Perincian
Maklumat organisasi/ Persatuan	• Nama Organisasi/ Persatuan* • Alamat Organisasi/ Persatuan* • Emel Organisasi/ Persatuan* • Nombor Pendaftaran Persatuan* • Laman web/ media sosial* • Kategori Pemohon* ▪ Persatuan penduduk ▪ Sekolah (PIBG) ▪ Institusi pengajian tinggi ▪ Organisasi keagamaan ▪ Badan Bukan Kerajaan (NGO) ▪ Badan Pengurusan bersama (JMB) • Nama Bank Organisasi/ Persatuan* • Nombor Akaun Bank Organisasi/ Persatuan*
Maklumat Individu yang Boleh Dihubungi (PIC)	• Nama * • Nombor telefon (Bimbit) * • E-mel peribadi*

Bahagian	Perincian
Maklumat Program/ projek	● Penerangan (perenggan)* ● Kategori tema Projek* ▪ Kebun Komuniti ▪ Pengkomposan Komuniti ● Nama Projek* ● Tarikh pelaksanaan Projek* ● Anggaran perbelanjaan (RM) * ● Lokasi Projek* ● Daerah* ● Pihak Berkuasa Tempatan*
Senarai Semak Dokumen (muat naik dokumen berkaitan)	● Kertas kerja projek yang telah disokong oleh:* ▪ Pihak Berkuasa Tempatan (PBT); atau ▪ Pejabat Daerah dan Tanah (PDT); atau ▪ Ahli Dewan Negeri (ADN). ● Perincian kos* ● Penyata bank terkini* ● Salinan Sijil Pendaftaran Persatuan (ROS)* ● Carta organisasi*

*Nota: *Ruangan wajib diisi.*

Rujukan: Borang permohonan atas talian Permohonan Geran Kecil Alam Sekitar Negeri Selangor 2026